

Nota: Sila baca Risalah Pemberitahuan Produk ini sebelum anda memutuskan untuk memilih i-Great Medi Care. Sila pastikan juga anda telah membaca terma umum dan syarat.

Nama Penyedia Perkhidmatan Kewangan : Great Eastern Takaful Berhad ("Pengendali Takaful", "Kami")  
 Nama Produk : i-Great Medi Care  
 Tarikh : 22/03/2024

### 1. Apakah produk ini?

i-Great Medi Care ("D MC") merupakan pelan Takaful Perubatan sendiri dengan Caruman berkala yang meningkat yang menyediakan perlindungan bagi kemasukan hospital dan/atau rawatan pembedahan disebabkan oleh kemalangan atau penyakit sehingga umur lapan puluh (80) tahun hari lahir berikutnya tanpa elemen simpanan atau pelaburan.

### 2. Apakah konsep Syariah yang bersesuaian?

- **Wakalah:** Kontrak agensi berdasarkan prinsip *Wakalah bi al-ujrah* yang mana caj yang dikenakan terdahulu mengikut peratusan Caruman yang dibayar, di mana Peserta melantik Kami untuk mengurus Dana *Tabarru'*. Amaun tersebut akan ditolak daripada Dana *Tabarru'*.
- **Mudharabah:** Kami, bertindak sebagai usahawan (*Mudharib*) yang menguruskan dana yang dikumpul dan Peserta sebagai pemilik modal (*Rabbul Mal*). Sebagai balasannya, Kami akan berkongsi keuntungan dengan Peserta di atas pulangan pelaburan Dana *Tabarru'* berdasarkan nisbah yang telah dipersetujui 50:50 setiapnya yang akan diagihkan selepas setiap tahun kewangan, jika ada.
- **Tabarru':** Sebahagian daripada Caruman yang diperuntukkan ke dalam Dana *Tabarru'* sebagai derma yang Peserta rela berikan untuk membantu dan memberikan pertolongan kepada Peserta yang memerlukan.
- **Ju'alah:** Saguhati untuk perkhidmatan yang diberikan, di mana Peserta akan berkongsi Lebihan Pengunderaitan dengan Kami berdasarkan nisbah yang telah dipersetujui sebanyak 50:50 yang mana akan diagihkan selepas setiap tahun kewangan, jika ada.
- **Qard:** Pinjaman tanpa faedah yang diberikan dari kami jika Dana *Tabarru'* mengalami defisit. *Qard* tersebut akan dibayar dari Lebihan Pengunderaitan akan datang dari Dana *Tabarru'*.

### 3. Apakah perlindungan/manfaat yang disediakan?

Perkara	Manfaat yang Dilindungi	Had (RM) Pelan R&B 200 (D MC 200)
1	<b>Bilik dan Penginapan Hospital</b> (Had sehari, tertakluk kepada maksimum 180 hari setiap Tahun Sijil bagi agregat Perkara (1) dan (2))	200 Seperti caj yang dikenakan, tertakluk kepada had yang dinyatakan di atas.
2	<b>Unit Rawatan Rapi</b> (Tertakluk kepada maksimum 180 hari setiap Tahun Sijil bagi agregat Perkara (1) dan (2))	Seperti caj yang dikenakan.
3	<b>Bekalan dan Khidmat Hospital</b>	Seperti caj yang dikenakan.  Pembayaran balik Bayaran Munasabah dan Biasa yang konsisten dengan bayaran biasa yang dikenakan untuk wad atau bilik dan penginapan yang lebih kurang dan dalam lingkungan jumlah had harian yang dinyatakan dalam manfaat Bilik dan Penginapan Hospital di bawah pelan yang dilindungi.
4	<b>Bayaran Pembedahan</b>	
5	<b>Dewan Bedah</b>	
6	<b>Bayaran Pakar Bius</b>	
7	<b>Lawatan Pakar Perubatan Dalam Hospital</b> (2 lawatan sehari)	
8	<b>Ujian Diagnosis Sebelum Kemasukan Hospital</b> (Dalam tempoh 60 hari sebelum kemasukan hospital)	
9	<b>Rundingan Pakar Sebelum Kemasukan Hospital</b> (Dalam tempoh 60 hari sebelum kemasukan hospital)	
10	<b>Rawatan Selepas Kemasukan Hospital</b> (Dalam tempoh 90 hari selepas keluar hospital)	
11	<b>Bayaran Ambulans</b>	
12	<b>Pembedahan Harian</b>	
13	<b>Rawatan Kemalangan Kecemasan Pesakit Luar</b> (Had setiap Tahun Sijil, tertakluk kepada maksimum 30 hari dari tarikh kemalangan)	3,000 Seperti caj yang dikenakan, tertakluk kepada had yang dinyatakan di atas.
14	<b>Had Tahunan Keseluruhan untuk perkara (1) sehingga (13)</b> (Berdasarkan jumlah yang dibayar)	100,000
15	<b>Had Seumur Hidup Keseluruhan untuk perkara (1) sehingga (13)</b> (Berdasarkan jumlah yang dibayar)	Tiada Had Seumur Hidup

Perkara	Manfaat yang Dilindungi	Had (RM) Pelan R&B 200 (D MC 200)
16	Cukai Perkhidmatan (jika berkenaan)	Sebarang cukai perkhidmatan yang dikenakan bagi Manfaat yang Dilindungi; di mana tuntutan dibayar tidak tertakluk kepada Had Tahunan Keseluruhan.

Tempoh perlindungan: Sehingga umur lapan puluh (80) tahun hari lahir berikutnya atau sehingga penamatan, mana yang berlaku dahulu.

Nota:

- (i) Semua manfaat di bawah pelan ini dibayar daripada Dana *Tabarru'*.
- (ii) Tertakluk kepada terma dan syarat Sijil.
- (iii) Sila rujuk kepada Sijil untuk manfaat terperinci di bawah pelan ini.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil/produk yang layak adalah dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans (TIPS) PIDM atau hubungi Great Eastern Takaful Berhad atau PIDM (layari [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)).

#### 4. Berapakah Caruman yang saya perlu bayar?

- Sila rujuk pada Jadual Caruman bagi jumlah Caruman yang perlu anda bayar bagi pelan anda.
- Caruman boleh dibuat melalui kad kredit, secara tahunan, setengah tahunan, suku tahunan atau bulanan.
- Tempoh Caruman: sama seperti tempoh perlindungan atau sehingga penamatan, mana yang berlaku dahulu.

Nota:

- (i) Caruman yang dibayar akan disalurkan terus ke dalam Dana *Tabarru'*.
- (ii) Caruman adalah tidak dijamin. Kami boleh mengubah kadar Caruman dengan memberi notis bertulis sekurang-kurangnya tiga puluh (30) hari terlebih dahulu kepada anda.
- (iii) Semakan ke atas Caruman, jika ada, bertujuan untuk menggambarkan pengalaman tuntutan Kami, kos rawatan perubatan, kemajuan dalam teknologi perubatan atau keadaan lain yang sewajarnya.
- (iv) Caruman untuk pelan ini adalah caruman yang mungkin akan meningkat setiap tahun berdasarkan umur hari lahir berikut Orang yang Dilindungi yang dicapai pada hari pertama setiap Ulang Tahun Sijil tersebut.

#### 5. Apakah yuran dan caj yang saya perlu bayar?

- **Caj Pendahuluan** adalah amaun yang ditolak terdahulu dari Dana *Tabarru'* (sebagai peratusan Caruman ditolak Cukai Perkhidmatan dan / atau cukai-cukai lain, jika ada), yang terdiri daripada:
  - (i) kos pengedaran langsung, dan
  - (ii) perbelanjaan pengurusan bagi menguruskan Sijil anda, termasuk duti setem sebanyak RM 10.
- **Caj Pendahuluan** yang dibayar di bawah pelan ini adalah 10% dari Caruman anda. Sila rujuk Jadual Caruman bagi pengiraan Caj Pendahuluan tahunan.
- ***Tabarru'*** adalah jumlah baki di dalam Dana *Tabarru'* setelah penolakan Caj Pendahuluan. *Tabarru'* mungkin meningkat seiring dengan kenaikan umur. Kadar *Tabarru'* yang dikenakan berbeza mengikut umur hari lahir berikutnya, jantina, dan kelas pekerjaan Orang yang Dilindungi pada ulang tahun Sijil. Maklumat tentang *Tabarru'* dan caj-caj lain untuk pelan ini boleh didapati di dalam Sijil.

#### 6. Apakah terma dan syarat utama yang saya perlu ketahui?

- **Kepentingan Pendedahan** - anda mestilah mendedahkan semua fakta yang material dan menyatakan umur anda dengan betul.
- **Tempoh Rujukan Percuma** - Anda boleh membatalkan Sijil Takaful Anda dalam masa lima belas (15) hari setelah menandatangani Resit e-Pengakuan setelah menerima e-Sijil, melalui pemberitahuan bertulis kepada Kami. Kami akan kembalikan sebarang Caruman yang telah dibayar berkenaan dengan Sijil ditolak sebarang perbelanjaan yang ditanggung bagi pemeriksaan perubatan, jika ada.
- **Tempoh Menunggu** - kelayakan untuk manfaat yang dilindungi akibat penyakit akan bermula tiga puluh (30) hari selepas tarikh permulaan atau tarikh penguatkuasaan semula Sijil ini, mana yang kemudian. Bagi penyakit tertentu, tempoh menunggu selama satu ratus dua puluh (120) hari akan digunakan.
- **Tempoh Tenggang** - anda mempunyai tempoh tenggang selama tiga puluh (30) hari dari setiap tarikh Caruman berikut yang perlu dibayar untuk membayar Caruman.
- **Ko-Takaful** - tidak berkenaan bagi Sijil ini.
- **Penyelarasan Manfaat** - Kami akan memberi pampasan mengikut dasar bersekadar jika anda mempunyai perlindungan kemasukan hospital lain dalam bentuk pembayaran balik dengan Kami atau Pengendali Takaful / Syarikat Insurans lain, atau anda sedang menerima pampasan daripada sumber lain bagi kecederaan atau sakit atau penyakit.
- **Menetap di Luar Negara** - Tiada manfaat akan dibayar untuk sebarang rawatan perubatan yang diterima oleh Orang yang Dilindungi di luar Malaysia, jika Orang yang Dilindungi menetap atau melancong di luar Malaysia lebih daripada sembilan puluh (90) hari berturut-turut.

## Risalah Pemberitahuan Produk

- **Rawatan di Luar Negara** - Jika Orang yang Dilindungi memilih, atau dirujuk untuk dirawat di luar Malaysia, manfaat rawatan tersebut adalah terhad kepada bayaran munasabah dan biasa untuk rawatan tempatan yang setara di Malaysia dan kos pengangkutan ke tempat rawatan akan dikecualikan.
- **Prosedur Tuntutan** - Borang tuntutan boleh diperolehi dari laman web Kami: [www.greateastertakaful.com](http://www.greateastertakaful.com). Bukti tuntutan mesti diterima dan diluluskan oleh Kami untuk memudahkan pembayaran sebarang manfaat.

Nota: Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk Sijil bagi terma dan syarat di bawah pelan ini.

### 7. Apakah pengecualian utama di bawah pelan ini?

- Penyakit Sedia Ada.
- Penyakit tertentu yang berlaku dalam masa satu ratus dua puluh (120) hari pertama dari tarikh berkuatkuasa Sijil ini.
- Sebarang keadaan perubatan atau fizikal yang berlaku dalam Tempoh Menunggu kecuali untuk kecederaan.
- Kehamilan dan komplikasinya, kelahiran anak (termasuk kelahiran secara pembedahan), keguguran, pengguguran dan penjagaan serta pembedahan sebelum atau selepas kelahiran, kaedah pencegahan kehamilan kontraseptif mekanikal atau kimia atau rawatan mengenai ketidaksuburan.
- Sebarang rawatan atau operasi pembedahan untuk Penyakit Kongenital atau kecacatan termasuk penyakit keturunan.
- Hidapan atau kecederaan yang timbul daripada sebarang bentuk perlumbaan (kecuali perlumbaan dengan kaki), sukan berbahaya seperti, tetapi tidak terhad kepada terjun udara, luncur air, aktiviti dalam air yang memerlukan alatan pernafasan, sukan musim sejuk, sukan profesional dan aktiviti haram.
- Pembedahan plastik/kosmetik, berkhatan, pemeriksaan mata, bercermin mata, dan pembetulan penglihatan dekat serta jauh melalui pembiasan atau pembedahan (Keratotomy Radial atau Lasik) dan penggunaan atau pemerolehan peralatan atau alatan luaran palsu seperti anggota palsu, alat pendengaran, implan merangsang denyutan jantung dan preskripsinya.
- Keadaan gigi termasuk rawatan pergigian atau pembedahan mulut kecuali yang diperlukan kerana kecederaan kepada gigi semula jadi yang sihat yang berlaku dalam mana-mana tahun sijil dan dilakukan oleh seorang doktor gigi.

Nota: Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk Sijil bagi senarai penuh had-had dan pengecualian di bawah pelan ini.

### 8. Bolehkah saya membatalkan Sijil ini?

Ya, anda boleh membatalkan Sijil ini dengan memberi notis bertulis kepada Kami. Namun, anda tidak digalakkan untuk memegang pelan ini dalam jangka masa pendek memandangkan kos permulaan yang tinggi. Menyertai pelan Takaful Keluarga adalah satu komitmen kewangan jangka panjang. Sekiranya anda tidak membayar Caruman dalam Tempoh Tenggang selama tiga puluh (30) hari, Sijil anda mungkin luput dengan segera yang boleh menyebabkan anda kehilangan perlindungan.

### 9. Apakah yang saya perlu lakukan jika terdapat perubahan butiran perhubungan saya/penama?

Anda hendaklah memaklumkan kepada Kami jika terdapat sebarang perubahan butiran perhubungan anda/penama bagi memastikan semua surat-menyurat dapat diserahkan kepada anda/penama dengan sepatutnya.

### 10. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut berkenaan Takaful Perubatan dan Kesihatan, sila rujuk [www.mycoverage.my](http://www.mycoverage.my).

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi Kami di:

#### **GREAT EASTERN TAKAFUL BERHAD 201001032332 (916257-H)**

(Pengendali Takaful yang didaftarkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)

Ibu Pejabat : Tingkat 3, Menara Great Eastern  
303 Jalan Ampang  
50450 Kuala Lumpur

Tel : (603) 4259 8338

Faks : (603) 4259 8808

Careline : 1 300 13 8338

E-mel : [GreatAssist@greateastertakaful.com](mailto:GreatAssist@greateastertakaful.com)

Laman web : [www.greateastertakaful.com](http://www.greateastertakaful.com)

### 11. Jenis perlindungan lain yang serupa

Sila hubungi Kami bagi mendapatkan maklumat berkenaan jenis perlindungan lain yang serupa.



## Risalah Pemberitahuan Produk

**NOTA PENTING:**

**ANDA SEHARUSNYA BERPUAS HATI BAHAWA PELAN INI AKAN MEMENUHI KEPERLUAN ANDA DENGAN SEBAIKNYA DAN ANDA SEHARUSNYA BERPUAS HATI BAHAWA CARUMAN YANG DIBAYAR DI BAWAH SIJIL INI ADALAH JUMLAH YANG ANDA MAMPU. PERLINDUNGAN BAGI PELAN INI HANYA AKAN BERMULA KETIKA SIJIL BERKUATKUASA. ANDA HENDAKLAH MEMBACA DAN MEMAHAMI SIJIL ANDA DAN TERUS MENGHUBUNGI KAMI BAGI MENDAPATKAN MAKLUMAT LANJUT.**

Jika terdapat percanggahan antara versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia untuk Risalah Pemberitahuan Produk ini, versi Bahasa Inggeris akan digunakan.

Maklumat yang disediakan dalam risalah pemberitahuan ini adalah sah pada 22/03/2024.

SAMPLE

**SCHEDULE OF CONTRIBUTION / JADUAL CARUMAN**

**Annual Contribution and Annual Upfront Charge for i-Great Medi Care / Caruman Tahunan dan Caj Pendahuluan Tahunan bagi i-Great Medi Care**  
Rate (in RM) for Plan R&B 200 according to Gender and Occupational Class (Class) on Attained Age Next Birthday (Age) /  
Kadar (dalam RM) bagi Pelan R&B 200 mengikut Jantina dan Kelas Pekerjaan (Kelas) pada Umur tercapat Hari Lahir Berikutnya (Umur)

Age/ Umur	Male / <i>Lelaki</i> (RM)			Female / <i>Perempuan</i> (RM)		
	Class 1 & 2 / Kelas 1 & 2	Class 3 / Kelas 3	Class 4 / Kelas 4	Class 1 & 2 / Kelas 1 & 2	Class 3 / Kelas 3	Class 4 / Kelas 4
19 to 20	834	1,043	1,251	834	1,043	1,251
21 to 25	876	1,095	1,314	902	1,128	1,353
26 to 30	876	1,095	1,314	906	1,133	1,359
31 to 35	920	1,150	1,380	952	1,190	1,428
36 to 40	1,043	1,304	1,565	1,076	1,345	1,614
41 to 45	1,347	1,684	2,021	1,336	1,670	2,004
46 to 50	1,713	2,142	2,570	1,752	2,190	2,628
51 to 55*	1,928	2,410	2,892	2,168	2,710	3,252
56 to 60*	2,657	3,322	3,986	2,680	3,350	4,020
61 to 65*	3,987	4,984	5,981	3,946	4,933	5,919
66 to 70*	5,980	7,475	8,970	5,920	7,400	8,880
71 to 75*	8,971	11,214	13,457	8,881	11,102	13,322
76 to 79*	13,456	16,820	20,184	13,322	16,653	19,983

\*Renewal only / *Pembaharuan sahaja*

**How to calculate your Annual Contribution and Annual Upfront Charge / *Baqaimana untuk mengira Caruman Tahunan dan Caj Pendahuluan Tahunan anda:***

<b>Age Next Birthday / <i>Umur Hari Lahir Berikut:</i></b>	25 (Male, Class 2) / ( <i>Lelaki, Kelas 2</i> )	<b>Annual Contribution / <i>Caruman Tahunan (AC):</i></b>	<b>RM 876.00</b>
<b>Annual Contribution / <i>Caruman Tahunan (AC):</i></b>	<b>RM 876.00</b>	<b>Half-yearly Contribution / <i>Caruman Setengah Tahunan:</i></b>	<b>AC x 0.5</b>
<b>Upfront Charge / <i>Caj Pendahuluan:</i></b>	RM 876 x 10% = <b>RM 87.60</b>	<b>Quarterly Contribution / <i>Caruman Suku Tahunan:</i></b>	<b>AC x 0.25</b>
The actual calculated contribution may be rounded up to two decimal places. / <i>Kiraan caruman sebenar boleh dibundarkan ke dua tempat perpuluhan.</i>		<b>Monthly Contribution / <i>Caruman Bulanan:</i></b>	<b>AC x 0.083333</b>

**Note / *Nota:***

- The Annual Contribution and Annual Upfront Charge are not guaranteed. Final rates are subject to Us. We may vary the rates on Certificate Anniversary by giving at least thirty (30) days advance written notice to you. / *Caruman Tahunan dan Caj Pendahuluan adalah tidak dijamin. Kadar muktamad adalah tertakluk kepada pertimbangan Kami. Kami boleh mengubah kadar tersebut pada Ulangtahun Sijil dengan memberi notis bertulis sekurang-kurangnya tiga puluh (30) hari terlebih dahulu kepada anda.*
- Upfront Charge is 10% of the Contribution paid / *Caj Pendahuluan adalah 10% daripada Caruman yang dibayar*
- Occupation class is classification of risk of an occupation. We have 4 classes as described below, the higher the class number, the more dangerous and risky it is considered, the higher the contribution rates for the plans. / *Kelas pekerjaan adalah klasifikasi risiko bagi suatu pekerjaan. Kami mempunyai 4 kelas seperti yang diterangkan di bawah. Semakin tinggi nombor kelas, ia dianggap lebih bahaya dan berisiko, maka semakin tinggi kadar caruman bagi pelan tersebut.*
  - Occupation Class 1: This covers administrative, management or executive duties of sedentary type. / *Kelas Pekerjaan 1: Ini meliputi tugas pentadbiran, pengurusan atau tugas eksekutif jenis sedentari.*
  - Occupation Class 2: This covers occupations of a supervisory nature with the exact nature of work more confined to the field or sales type of work without engagement in manual work. / *Kelas Pekerjaan 2: Ini meliputi pekerjaan yang bersifat penyeliaan dengan sifat sebenar pekerjaan yang lebih terbatas pada bidang atau jenis jualan kerja tanpa penglibatan dalam kerja manual*
  - Occupation Class 3: This covers occupations involving non-heavy manual engagement but with the use of tools or machinery in their course of work. / *Kelas Pekerjaan 3: Ini meliputi pekerjaan termasuk penglibatan manual bukan berat tetapi dengan menggunakan alat atau mesin dalam menjalankan pekerjaan mereka.*
  - Occupation Class 4: This covers occupations involving heavy manual work and the use of tools/ equipment or machinery in their course of duties. / *Kelas Pekerjaan 4: Ini meliputi pekerjaan yang melibatkan kerja manual berat dan penggunaan peralatan / kelengkapan atau jentera dalam tugas mereka.*